

**PERTANDINGAN
VIDEO PENDEK
AKU&KLO
MERDEKA BERSAMA RAC**

INFO PENTING

TARIKH PENYERTAAN	PENGUMUMAN PEMENANG	PENYAMPAIAN HADIAH
1 OGOS HINGGA 5 SEPTEMBER 2026	10 SEPTEMBER 2026	10 SEPTEMBER 2026 MENARA RAC

KATEGORI

SEKOLAH MENENGAH



13 - 17 TAHUN

Penyertaan hendaklah mendapat kebenaran sekolah atau ibu bapa.

KATEGORI



INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Terbuka kepada semua pelajar IPT (awam atau swasta).

AWAM (PUBLIC)



Terbuka kepada semua warganegara Malaysia 18 tahun ke atas.

DURASI MAKSIMUM



1 MINIT 30 SAAT

PLATFORM



**INSTAGRAM REELS
/ TIKTOK**

SYARAT WAJIB



**BERLATAR BELAKANG
STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR**



CARA MENYERTAI

Individu | Berkumpulan



Ikuti  
@railwayassetscorporation



Muat Naik Video
Instagram Reels/ Tiktok



Tag
@railwayassetscorporation



Gunakan Hashtag
#Aku&KLO
#MoveWithRAC
#MerdekaRAC2026



Akaun mesti dalam mod
public sepanjang tempoh pertandingan

MAKLUMAT LANJUT & TERMA DAN SYARAT
www.rac.gov.my



Tunjukkan Kreativiti Anda Hadiah Menarik Menanti!



TEMPAT PERTAMA

3 PEMENANG

RM800

*SETIAP PEMENANG

DAN
E-SIJIL PENYERTAAN



TEMPAT KEDUA

3 PEMENANG

RM700

*SETIAP PEMENANG

DAN
E-SIJIL PENYERTAAN



TEMPAT KETIGA

2 PEMENANG

RM600

*SETIAP PEMENANG

DAN
E-SIJIL PENYERTAAN



SAGUHATI



3 PEMENANG

RM400

*SETIAP PEMENANG
DAN E-SIJIL PENYERTAAN



3 PEMENANG

RM300

*SETIAP PEMENANG
DAN E-SIJIL PENYERTAAN

Rebut peluang anda. Sertai sekarang!

MAKLUMAT LANJUT & TERMA DAN SYARAT

www.rac.gov.my

TERMA & SYARAT

PERTANDINGAN VIDEO PENDEK AKU&KLO: MERDEKA BERSAMA RAC

- i. Pertandingan bermula pada **1 Ogos 2026 dan berakhir pada 5 September 2026**, jam 11.59 malam waktu Malaysia.
- ii. Sebarang penyertaan yang diterbitkan atau diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dipertimbangkan.
- iii. Pemenang akan diumumkan pada **10 September 2026** melalui platform media sosial rasmi Perbadanan Aset Keretapi ("RAC").
- iv. Terbuka kepada warganegara Malaysia yang mempunyai akaun Instagram atau TikTok yang sah serta memenuhi syarat platform berkenaan.
- v. Peserta yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga. Bukti kebenaran boleh diminta oleh pihak penganjur.
- vi. Penyertaan boleh secara individu atau berkumpulan dan setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan.
- vii. Video hendaklah mengetengahkan Stesen Keretapi Kuala Lumpur (KLO) serta menghubungkan sejarah, warisan, identiti atau peranannya dengan semangat kemerdekaan. Penyampaian boleh dibuat dalam pelbagai konsep kreatif seperti berita, dokumentari, rencana, rancangan televisyen, wawancara, infografik atau penceritaan.
- viii. Video juga mestilah menampilkan Stesen Keretapi Kuala Lumpur sebagai latar utama yang dapat dikenal pasti dengan jelas, sama ada melalui rakaman sebenar atau penggunaan teknik *green screen*.
- ix. Peserta hanya dibenarkan menjalankan penggambaran di kawasan yang terbuka kepada orang awam dan tidak boleh:
 - **memasuki landasan atau kawasan larangan;**
 - **mengganggu pergerakan penumpang dan operasi stesen;**
 - **memanjat struktur atau menjalankan aksi berbahaya;**
 - **menggunakan dron tanpa kebenaran; atau**
 - **merosakkan mana-mana aset dan kemudahan stesen.**
- x. Bahasa utama video hendaklah dalam Bahasa Malaysia.

- xi. Kandungan mestilah asli, kreatif dan tidak mengandungi perkara yang:
- menyentuh sensitiviti agama, kaum atau budaya;
 - memaparkan logo, simbol, bahan kempen atau sokongan terhadap mana-mana parti politik;
 - berunsur lucah, ganas, berbahaya, menghina atau memfitnah;
 - mengandungi maklumat palsu atau mengelirukan;
 - melanggar privasi atau hak mana-mana individu; atau
 - boleh menjejaskan nama baik RAC, kerajaan atau mana-mana pihak.
- xii. **WAJIB** memaparkan Stesen Keretapi Kuala Lumpur dalam sekurang-kurangnya satu babak, sama ada melalui rakaman sebenar atau teknik green screen.
- xiii. Durasi video tidak boleh melebihi **1 minit 30 saat**.
- xiv. Video hendaklah menggunakan format menegak seperti berikut:
- **Nisbah paparan: 9:16**
 - **Resolusi disarankan: 1080 × 1920**
 - **Kualiti minimum: HD**
 - **Platform: Instagram Reels atau TikTok**
- xv. Peserta boleh menggunakan apa-apa jenis telefon pintar atau peralatan rakaman yang sesuai, dengan syarat video yang dihasilkan mempunyai visual dan audio yang jelas.
- xvi. Peserta hendaklah mengikuti akaun media sosial rasmi RAC.
- xvii. Keputusan pihak penganjur berhubung pengesahan jumlah engagement dan kelayakan penyertaan adalah muktamad. Pemenang akan ditentukan berdasarkan keseluruhan kriteria penilaian yang ditetapkan oleh pihak penganjur.
- xviii. Pemenang akan diumumkan pada 10 September 2026 melalui platform media sosial rasmi RAC.
- xix. Pemenang akan dihubungi oleh urus setia melalui saluran rasmi berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh peserta.
- xx. Pemenang diwajibkan memberikan pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan oleh urus setia dan hadir ke majlis penyampaian hadiah pada tarikh, masa dan lokasi yang akan dimaklumkan.
- xxi. Sekiranya pemenang gagal memberikan maklum balas, tidak dapat dihubungi atau gagal menghadiri majlis penyampaian hadiah tanpa alasan yang diterima oleh pihak penganjur, RAC berhak membatalkan kemenangan dan memilih pemenang simpanan.
- xxii. Penganjur berhak membuat perubahan terhadap tarikh, masa atau lokasi penyampaian hadiah sekiranya perlu. Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui saluran rasmi RAC.

Kaedah penghantaran penyertaan:

- i. Brand tag adalah wajib. Penyertaan yang tidak menandakan akaun rasmi RAC atau tidak menggunakan tanda pagar yang ditetapkan boleh dianggap tidak lengkap.
- ii. Sekiranya video dimuat naik di kedua-dua platform, peserta hendaklah menetapkan satu platform utama untuk tujuan penilaian. Jumlah *engagement* daripada dua platform tidak akan digabungkan.
- iii. Akaun peserta dan video penyertaan hendaklah kekal dalam mod awam serta tidak boleh dipadam, disembunyikan atau diarkibkan sehingga sekurang-kurangnya 3 Disember 2026.
- iv. Peserta hendaklah:
 - **Memuat naik video melalui Instagram Reels atau TikTok;**
 - **Menetapkan akaun kepada mod awam/public;**
 - **Menandakan akaun rasmi RAC, @railwayassetcorporation, pada video dan kapsyen;**
 - **Menggunakan tanda pagar rasmi #Aku&KLO #MoveWithRAC, #MerdekaRAC2026; dan**
- v. Sebarang perubahan besar kepada video atau kapsyen selepas tarikh tutup boleh menyebabkan impak pada penilaian penyertaan.
- vi. Hanya video yang dimuat naik dalam tempoh pertandingan akan diterima. Sebarang penyertaan selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dipertimbangkan. (5 September 2026, Sabtu)
- vii. Untuk melayakkan penyertaan ke peringkat penilaian top 5, video hendaklah mencapai sekurang-kurangnya:
 - **500 tontonan; dan**
 - **50 tanda suka (likes)**
- viii. Jumlah tontonan dan tanda suka yang diperoleh selepas tarikh dan waktu tutup pertandingan tidak akan diambil kira.
- ix. Pencapaian minimum 500 tontonan dan 50 tanda suka hanya merupakan syarat kelayakan untuk dinilai dan tidak menjamin kemenangan.
- x. Peserta dibenarkan menjalankan promosi atau menggunakan paid boosting bagi meningkatkan capaian video penyertaan.
- xi. Semua kos penghasilan video, promosi, pengiklanan dan paid boosting hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh peserta serta tidak boleh dituntut daripada RAC.

- xii. Jumlah tontonan dan tanda suka akan direkodkan berdasarkan angka yang dipaparkan pada platform media sosial peserta pada 5 September 2026, jam 11.59 malam.
- xiii. RAC tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perubahan, pengurangan atau kehilangan jumlah tontonan dan tanda suka yang disebabkan oleh sistem, polisi atau tindakan platform media sosial.